



MOHAMED Khaled Nordin (kiri) menyampaikan replika cek IM4U Outreach Centre kepada Mohd. Noh Dalimin di UTHM, Batu Pahat baru-baru ini.

IPT pertama diwujudkan IM4U Outreach Centre UTHM jadi pelopor

Oleh **HAMDAN TAWADI**
utusanjohor@utusan.com.my

BATU PAHAT 23 Okt. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dipilih sebagai universiti pertama mempunyai *IMalaysia For Youth* (IM4U) Outreach Centre sebelum diperluaskan ke institut pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

Majlis prapelanaran program itu disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin baru-baru ini, manakala Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka merasmikan IM4U peringkat nasional bulan depan.

Mohamed Khaled berkata, IM4U Outreach Centre di IPT ditubuhkan hasil kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS) bertu-

juan menggalakkan penuntut melibatkan diri dengan aktiviti kesukarelaan.

Beliau berkata, menerusi penubuhan pusat itu, KPT menyasarkan 600 program sukarelawan membabitkan penuntut dapat dilaksanakan menjelang Julai tahun depan.

"IM4U berperanan mengurus dan menyelaras cadangan program kesukarelaan yang dikemukakan mahasiswa. Kertas cadangan program yang berpotensi akan diajukan kepada pihak IM4U untuk pertimbangan dan kelulusan termasuk penyalaran Dana Relawan IMalaysia (DReIM)," katanya.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha KPT, Datuk Ab. Rahim Md. Noor; Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr. Rujhan Mustafa; Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Pegawai Khas Perdana Menteri, Da-

tuk Irmohizam Ibrahim.

Sempena majlis itu, satu pertandingan 'My UniRawks' bagi penuntut IPT yang menawarkan dana berjumlah RM100,000 turut diadakan bagi memilih 10 cadangan aktiviti kesukarelaan terbaik menerusi laman sosial, Facebook IM4U.

Setiap pemenang cadangan terbaik akan mendapat dana RM10,000 dan diundang menghadiri sesi berinteraksi bersama Perdana Menteri.

Seterusnya, undian akan dijalankan untuk menentukan tiga cadangan terbaik yang menerima hadiah iPad, lawatan ke luar negeri dan penganjuran program khas terbahit ditanggung IM4U.

Pertandingan bermula 13 Oktober lalu sehingga 13 November ini dan keterangan lanjut boleh diperoleh dengan melayari Facebook IM4U.